

Bah

Mahathir - Penswastaan

MALAYSIA AKAN SWASTAKAN 260 LAGI AGENSI KERAJAAN, KATA MAHATHIR

Daripada Azman Ujang

I

DHAKA, 13 Feb (Bernama) -- Malaysia akan menswastakan 260 buah lagi agensi kerajaan berikutan kejayaan beberapa agensi besar yang telah diswastakan setakat ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Dalam masa yang sama, kerajaan mengalu-alukan sebarang cadangan bagi penswastaan agensi-agensi lain yang belum lagi dikenalpasti, katanya pada sesi soal-jawab bersama usahawan Bangladesh dan Malaysia pada majlis makan tengah hari di Dhaka Sheraton di sini.

Dr Mahathir, yang dalam rangka lawatan tiga hari ke Bangladesh, berkata penswastaan kini adalah +kelaziman+ di Malaysia dan telah membawa perubahan sikap di kalangan pekerja daripada mentaliti perkhidmatan awam kepada persekitaran kerja sektor komersil.

Perdana Menteri menjawab soalan-soalan mengenai bagaimana Malaysia telah berjaya melaksanakan penswastaan beberapa agensi kerajaan yang besar, termasuk Lembaga Elektrik Negara, Jabatan Telekom dan Jabatan Pos.

Beliau berkata pada peringkat permulaan, pekerja-pekerja dalam agensi kerajaan membantah langkah penswastaan itu kerana mereka berpendapat akan kehilangan keselamatan kerja kerana mereka akan dibuang kerja sekiranya syarikat-syarikat yang diswastakan itu tidak mendapat untung. -- lagi

▼13/02/21-51MST

R GB 13-02 00156 BB111

Bah

Mahathir - Penswastaan 2 Dhaka

"Tetapi kini ia sudah berbeza. Kita dapati pekerja-pekerja di agensi-agensi kerajaan yang lain yang belum diswastakan lagi merungut kerana mereka juga mahukan penswastaan. Ini kerana penswastaan telah meningkatkan pendapatan serta adanya bonus dan ganjaran lain," kata Perdana Menteri.

"Kini kita dapati di Malaysia satu keadaan di mana pengarah-pengarah Telekom yang telah diswastakan itu mendapat gaji lebih daripada yang diterima oleh Perdana Menteri," katanya.

"Tetapi sudah tentulah kita tidak dapat menswastakan setiap agensi. Kita tidak boleh swastakan tentera, polis dan agensi pentadbiran kerajaan," tambah beliau.

Dr Mahathir berkata pendekatan yang diambil oleh Malaysia ialah memperbadankan dahulu agensi-agensi itu supaya mengasingkan mereka daripada gaya kerajaan dalam melakukan sesuatu sebelum menswastakannya setelah dua atau tiga tahun menunjukkan keuntungan.

Beliau juga menyifatkan penswastaan Jabatan Pos Malaysia sebagai unik kerana ia tidak pernah dilakukan di tempat-tempat lain, malah di negara-negara maju. -- Lagi

▼13/02/22-05MST

R GB 13-02. 00165 BB112

Bah

Mahathir - Penswastan 3 (Akhir) Dhaka

Sebelum itu dalam ucapannya di majlis anjuran Dewan Perdagangan dan Perindustrian Persekutuan Bangladesh (FBCCI) itu, Dr Mahathir berkata kerajaan Malaysia kini menggalakkan ahli perniagaan Malaysia supaya menjalankan perniagaan di luar negara dan melabur di seberang laut.

Dr Mahathir, yang disertai oleh 26 usahawan Malaysia dalam lawatan itu, berkata dasar Malaysia mengenai pelaburan timbal balik dan dasar perindustrian Bangladesh yang liberal akan membawa kepada wujudnya hubungan usaha sama antara ahli perniagaan kedua-dua buah negara.

Terdahulu, Perdana Menteri menyaksikan upacara menandatangani memorandum persefahaman bagi penubuhan dewan perdagangan dan perindustrian bersama antara Malaysia dan Bangladesh untuk menggalakkan perdagangan dan pelaburan oleh kedua-dua pihak.

Ia ditandatangani oleh Pengerusi Dewan Perdagangan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia, Tan Sri Wan Azmi Hamzah dan Presiden FBCCI Mahbubur Rahman.

Turut hadir ialah Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz dan beberapa orang menteri kabinet Bangladesh. -- Bernama

▼13/02/22-20MST